

BAB V

PENUTUP

5.1. Pendahuluan

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang bertajuk, *Implementasi Hukuman Sebat di Bandar Bireuen Nanggroe Aceh Darussalam, Indonesia*. Pengkaji telah menjalankan kajian secara langsung dan mendalam ke tempat kajian iaitu bandar Bireuen. Kajian ini tertumpu kepada tiga permasalahan kajian iaitu bagaimana kaedah pelaksanaan hukuman sebat di Bandar Bireuen, apa masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan hukuman sebat dan bagaimana pandangan serta pendirian penguat kuasa kanun terhadap pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen.

Setelah pengkaji melaksanakan kajian secara mendalam, maka pada bab ini pengkaji akan memaparkan kesimpulan yang didapati daripada kajian tersebut, dengan merujuk kepada permasalahan kajian sehingga objektif kajian dapat dicapai dengan baik.

5.2. Kesimpulan

Setelah pengkaji membuat kajian serta menganalisis data dan permasalahan mengenai pelaksanaan hukuman sebat di Bandar Bireun, maka pada bab ini pengkaji menulis beberapa kesimpulan bagi mencapai objektif kajian. Di antara kesimpulan yang dibuat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

5.2.1. Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat di Nanggroe Aceh Darussalam

Setelah pengkaji mengadakan kajian secara mendalam, pengkaji mendapati bahawa kaedah yang digunakan dalam pelaksanaan hukuman sebat di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam tidak bercanggah dengan kaedah pelaksanaan hukuman sebat dalam perundangan Islam. Hal ini kerana kaedah yang digunakan di Nanggroe Aceh Darussalam tersebut sangat menitik beratkan kepada aspek kemanusiaan sepertimana dalam perundangan Islam, sehingga dengan pelaksanaan kaedah tersebut matlamat daripada hukuman tersebut tercapai. Sepertimana diketahui bahawa matlamat hukuman sebat dalam perundangan Islam adalah untuk memberi pengajaran kepada pesalah dan orang ramai bukan untuk mencederakan pesalah yang dapat mengakibatkan kecacatan seumur hidup.

Berikut adalah kaedah pelaksanaan hukuman sebat di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam dengan merujuk kepada kanun jenayah Islam yang berlaku di daerah tersebut. Kaedah hukuman sebat tersebut dengan menumpukan kepada beberapa aspek seperti berikut :

1. Tempat dan Masa Pelaksanaan Hukuman Sebat

Hukuman sebat dilaksanakan di atas alas bersaiz 3x3 meter. Jarak antara terhukum dengan penyebat 0.70 meter hingga 1 meter dan kedudukan penyebat berdiri di sisi sebelah kiri pesalah. Manakala jarak antara tempat penyebatan dengan masyarakat yang menyaksikan tidak lebih daripada 10 meter, dan tempat yang biasa digunakan bagi melaksanakan hukuman sebat iaitu di depan masjid kampung mahupun bandar.

2. Taraf Kesihatan Pesalah

Sebelum hukuman dilaksanakan, pesalah hendaklah diperiksa oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan untuk diperakui bahawa pesalah itu adalah dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani hukuman. Numun jika semasa pelaksanaan hukuman sebat itu Pegawai Perubatan memperakui bahawa pesalah itu tidak lagi dapat menerima sebatan, sebatan itu hendaklah ditangguhkan sehingga Pegawai Perubatan itu memperakui bahawa pesalah itu sihat tubuhnya untuk menjalani hukuman.

3. Posisi dan Pakaian Semasa Menjalani Hukuman

Kedudukan pesalah lelaki semasa menjalani hukuman sebat dalam keadaan berdiri tanpa diikat dan memakai baju nipis yang menutup aurat. Manakala terhukum perempuan disebat dalam keadaan duduk serta bahagian pahanya ditutup dengan kain. Bagi wanita hamil hukuman dilaksanakan selepas enam puluh hari melahirkan.

4. Sasaran dan Kekuatan Pukulan

Bahagian badan yang boleh disebat iaitu bahagian belakang (bahu hingga pinggul) pesalah, dan tidak dibenarkan menyebat pesalah pada bahagian kepala, muka, dada dan kemaluan. Manakala kadar pukulan atau sebatan tidak boleh mencedarkan pesalah.

5. Alat Sebatan

Alat yang digunakan bagi menyebat pesalah ialah rotan bersaiz sederhana, bermaksud tidak terlalu besar dan tidak pula terlalu kecil. Saiz rotan yang digunakan iaitu ukuran lilit rotan antara 0.70 cm hingga 1 cm dan panjangnya 1 meter dan hujungnya tidak retak.

5.2.2. Masalah dan Cabaran Pelaksanaan Hukuman Sebat di Bandar Bireuen

Terdapat beberapa masalah berkaitan pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen, yang mana masalah tersebut dapat menghalang kepada pelaksanaan hukuman. Di antara masalah tersebut ialah :

1. Dana dan Kemudahan Institusi Penguatkuasa Kanun Jenayah Yang Terhad

Dana pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen yang diperuntukkan oleh kerajaan Nanggroe Aceh dalam belanjawan daerah (APBD) tidak dikeluarkan oleh Kerajaan Daerah (Bupati). Di samping itu, kemudahan Penguat kuasa kanun jenayah juga sangat terhad. Buktinya, bilik yang digunakan dalam persidangan perkara sangat sederhana dan bersaiz kecil, sehingga banyak perkara belum diputuskan Mahkamah Syariah.

2. Peruntukan Kanun Jenayah Aceh Tidak Sempurna

Kanun jenayah yang sedia ada di Nanggroe Aceh Darusalam tidak sempurna. Seperti kanun acara jenayah yang menetapkan penahanan terhadap tertuduh tidak ada. Sehingga tertuduh tersebut dapat melarikan diri daripada hukuman.

3. Wujudnya Diskriminasi Dalam Pelaksanaan Hukuman Sebat di Masyarakat

Pelaksanaan hukuman sebat di Bireuen tidak mengikut kepada prinsip keadilan, sehingga berlaku diskriminasi dalam masyarakat. Hal yang demikian itu mengakibatkan masyarakat tidak berpuas hati ke atas pelaksanaan hukuman sebat semasa, sehingga masyarakat kurang antusias (menyokong) terhadap pelaksanaan hukuman sebat tersebut.

Di samping itu, terdapat pula cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Di antara cabaran tersebut ialah:

1. Kurangnya kefahaman masyarakat terhadap kandungan Kanun Jenayah Aceh, sehingga ramai masyarakat yang melanggar kanun tersebut.
2. Wujudnya bantahan dan penolakan daripada beberapa organisasi masyarakat tempatan dan organisasi masyarakat lain yang wujud di Indonesia terhadap pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Dalam pandangan mereka bahawa pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen melanggar Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang sudah disetujui Indonesia pada tahun 1998.

5.2.3. Pandangan dan Pendirian Penguat Kuasa Kanun Jenayah Terhadap Pelaksanaan Hukuman Sebat di Bandar Bireuen

Pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen mendapat tanggapan positif dari kalangan penguatkuasa kanun. Hasil temu bual dengan Pengarah beberapa institusi Penguat kuasa mendapati bahawa mereka sangat menyokong pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Wujudnya sokongan tersebut terbukti dengan penilaian Pengetua atau Pengarah daripada beberapa insitutsi seperti mana berikut :

Menurut Drs. Muzzammil Ali, pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen merupakan keistimewaan yang telah diberikan oleh kerajaan pusat yang harus dijaga dan dimanfaatkan bagi terlaksananya syariat Islam di bandar Bireuen. Oleh itu, harapan Pengetua Mahkamah Syariah, Drs. Muzzamil Ali supaya pelaksanaan hukuman sebat yang bermula pada tahun 2005 lepas dapat dijalankan

seperti semula untuk mengurangkan kadar perbuatan jenayah di bandar Bireuen. Pengarah Pendakwa Raya Kerajaan Bireuen, Wawan Ernawam SH juga mengatakan bahawa pihak Pendakwa Raya sentiasa bersedia sedia untuk memfail serta menghantar identiti pesalah yang akan dihukum sebat ke Dinas Syariat Islam sebagai fasilitator. Namun hingga hari ini hukuman sebat tersebut masih belum dilaksanakan. Menurut Pengarah Dinas Syariat Islam Bandar Bireuen Drs. Umar Budiman, perkara tersebut berlaku kerana peruntukan dana bagi pelaksanaan hukuman tersebut belum dikeluarkan Bupati. Oleh yang demikian, beliau sangat berharap supaya pelaksanaan hukuman sebat dapat dilaksanakan semula bagi membentuk masyarakat yang taat kepada Syariat Islam. Oleh itu pihak Dinas Syariat Islam berharap kepada Kepala Daerah (Bupati) supaya mengeluarkan peruntukan dana bagi pelaksanaan hukuman sebat tersebut. Sementara itu, Pengarah Wilayatul Hisbah Drs. Muhammad Daud mengatakan bahawa pihaknya sebagai pelaksana hukuman sebat yang ditetapkan Pendakwa Raya sangat menyokong pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Oleh yang demikian, pihaknya berharap supaya masyarakat ikut menyokong program pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Dengan wujudnya pelaksanaan hukuman sebat itu diharapkan supaya masyarakat lebih taat kepada hukum dan perintah Allah SWT dan menjauhi perkara-perkara yang dilarang-Nya seperti perjudian, meminum arak dan khalwat, sehingga terbentuk masyarakat yang taat beragama serta aman dan damai.

5.3. Saranan dan Cadangan

Bagi memperkasa lagi pelaksanaan hukuman sebatan demi mencapai kesempurnaan dan rasa keadilan dalam masyarakat Bireuen, penulis menyarankan beberapa cadangan seperti berikut :

1. Menyemak semula Kanun Jenayah yang digunapakai di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam pada masa ini, khususnya Kanun Acara Jenayah. Diharapkan dengan menyemak semula Kanun tersebut boleh memudahkan institusi-institusi Penguatkuasa Kanun Jenayah dalam menjalankan tugasnya. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kepada Gabenor Aceh dan Dewan Perwakilan Daerah Aceh (DPRA) supaya menjemput pakar Perundangan Islam ketika membuat dan mengubal satu kanun terutamanya Kanun Acara Jenayah.
2. Mempertingkatkan kualiti sumber manusia Penguat kuasa kanun, terutamanya kepakaran dalam perundangan Islam. Sehingga dengan kepakaran tersebut dapat menghasilkan kanun jenayah Islam yang membawa kepada rasa keadilan dalam masyarakat. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya kerajaan Bireuen memperuntukkan dana kepada Penguat kuasa kanun bagi mempertingkatkan profesionalisme dan kepakaran mereka dalam perundangan Islam iaitu dengan cara mengadakan seminar hukum Islam ataupun meneruskan pendidikan mereka keperingkat lebih tinggi khasnya dalam bidang perundangan Islam.
3. Diharapkan kepada Perintah Daerah (Bupati) turut menyokong pelaksanaan hukuman sebat di badar Bireuen. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya Pemerintah Daerah mengeluarkan peruntukan dana bagi pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Selain itu, Pemerintah Daerah juga diharapkan menyempurnakan fasiliti yang wujud di institusi-institusi Penguat kuasa kanun

seperti fasiliti di Mahkamah Syariat khasnya bilik persidangan. Sehingga dengan kesempurnaan fasiliti tersebut dapat memudahkan pihak Mahkamah Syariah memutuskan semua perkara yang berkaitan.

4. Perlunya sosialisasi pelaksanaan hukuman sebat ke seluruh masyarakat bandar Bireuen. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya Pemerintah Daerah (Bupati) bekerjasama dengan pihak Penguat kuasa kanun dan semua ulama Bireuen bagi mensosialisasikan kanun jenayah kepada seluruh masyarakat Bireuen. Sosialisasi kanun tersebut dapat dilaksanakan dalam bentuk seminar ataupun ceramah di masjid atau surau yang berkenanan dengan kanun jenayah dan Syariat Islam. Dengan wujudnya sosialisasi tersebut akan dapat meningkatkan kefahaman masyarakat awam terhadap kanun jenayah nanggroe Aceh Darussalam.